

**Najib Hos Jamuan Malam Rai Perdana Menteri Perancis
Bernama
30 Julai, 2013**

PUTRAJAYA, 30 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menjadi hos majlis makan malam rasmi meraikan Perdana Menteri Perancis Jean-Marc Ayrault dan isteri Brigitte di Seri Perdana, di sini Isnin.

Turut hadir isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Ayrault tiba di sini Ahad untuk lawatan rasmi dua hari ke Malaysia. Kunjungan itu merupakan sebahagian daripada lawatan serantau tiga negara Ayrault, termasuk New Caledonia dan Korea Selatan, bagi mempertingkatkan serta memperluas kerjasama dalam bidang baharu dan sedia ada.

Berucap pada majlis jamuan malam itu, Najib menyambut baik peningkatan tumpuan Perancis terhadap Asia di bawah kepimpinan President Francois Hollande.

"Malaysia melihat Perancis sebagai rakan strategik yang penting, bukan sahaja di dalam Kesatuan Eropah tetapi juga di peringkat antarabangsa. Lawatan ini akan meningkatkan kerjasama strategik antara kedua-dua negara, dan merangka lawatan untuk President Hollande ke Malaysia dalam masa terdekat," katanya.

Najib juga berharap hubungan dua hala antara kedua-dua negara akan mengukuhkan momentum yang semakin meningkat dalam perdagangan, pelaburan, pendidikan, pertahanan dan pelancongan, serta tenaga, bioteknologi, pengangkutan dan oseanografi yang telah dibangunkan beberapa tahun lepas.

"Kerjasama ekonomi terutama dalam perdagangan dan pelaburan kekal sebagai tulang belakang hubungan dua hala Malaysia-Perancis. Walaupun krisis Eurozone dan cabaran dalam ekonomi global, perdagangan antara kedua negara meningkat sejak 2009.

"Perancis kini merupakan rakan kongsi perdagangan global ke-16 terbesar Malaysia, dan ketiga terbesar di kalangan negara anggota Kesatuan Eropah.

"Ketika program transformasi ekonomi kami membuka lebih banyak peluang dalam sektor ekonomi, pelaburan Perancis terus menerokai ruang baharu - seperti projek di Sendayan Techvalley atau dalam usaha sama dengan Korea untuk membina kilang penapisan bio yang pertama di Terengganu," katanya.

Perdana menteri turut melahirkan rasa gembira dengan peningkatan pelancong Perancis ke Malaysia yang mencatat 40,000 orang untuk tempoh Januari hingga Mac tahun ini, meningkat 10 peratus berbanding tempoh sama tahun lepas.

Beliau berkata keputusan syarikat penerbangan Perancis baru-baru ini untuk memulakan penerbangan terus antara Kuala Lumpur dan Paris tepat pada masanya memandangkan 2014 ialah Tahun Melawat Malaysia.

"Saya yakin dengan hubungan yang lebih baik akan menggalakkan lebih ramai pelancong dari Perancis untuk melawat Malaysia, menikmati tarikan pelancongan yang banyak di

negara ini, alam semula jadi, kebudayaan dan makanan.

"Kita boleh menetapkan nilai dollar kepada kerjasama ekonomi kita tetapi membina hubungan yang kukuh antara rakyat menggalakkan idea, nilai dan resipi yang bakal membawa manfaat yang lebih luas," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=966953>